

## Amalan Beragama Orang Asli Muslim di Semenanjung Malaysia: Kajian Analisis Bibliometrik

### *The Religious Practices among Muslim Indigenous People in Peninsular Malaysia: A Bibliometric Analysis Research*

Wan Nor Hana Wan Ismail<sup>1\*</sup>, Intan Farhana Saparudin<sup>1</sup>, Ahzilah Wahid<sup>2</sup>, Ahmad Sharifuddin Mustapha<sup>1</sup>

*1 Department of Islamic Studies, Centre for General Studies and Co-Curriculum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, 86400, Johor, MALAYSIA*

*2 Student Development and Campus Lifestyle Section, Universiti Kuala Lumpur MITEC, Pasir Gudang, 81750, Johor, MALAYSIA*

\*Corresponding Author: [wnorhana@unikl.edu.my](mailto:wnorhana@unikl.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2024.05.01.007>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 17 September 2023

Diterima: 30 April 2024

Diterbitkan: 30 Jun 2024

#### Kata Kunci

Amalan beragama, orang asli muslim, kajian bibliometrik

#### Abstrak

Amalan beragama masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia banyak dilihat kepada pengamalan agama dan kepercayaan asal mereka. Namun, kajian dalam pengamalan agama Islam masyarakat Orang Asli Muslim di Semenanjung Malaysia masih tidak banyak ditelusuri. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji penulisan tentang amalan beragama masyarakat Orang Asli Muslim khusus di Semenanjung Malaysia dalam tempoh satu dekad, bermula pada tahun 2013 sehingga tahun 2022. Kajian ini menggunakan analisis bibliometrik terhadap penerbitan ilmiah yang ditemui berdasarkan satu pangkalan data sahaja iaitu Google Scholar. Hasil analisis kata kunci mendapati kajian berkenaan amalan beragama masyarakat Orang Asli banyak membincangkan daripada aspek pendakwah dan bukan orang yang didakwah (mad'u). Selain itu, amalan beragama juga kurang dibincangkan terhadap Orang Asli, namun lebih fokus kepada institusi pendidikan peringkat menengah dan pengajian tinggi serta masyarakat lain.

#### Keywords

Religious practices, muslim indigenous people, bibliometric research

#### Abstract

Religious practices among indigenous people in Peninsular Malaysia synonym with their original religious faith and practices. However, there were very few discussions about the religious practices of Muslim indigenous people in Peninsular Malaysia. Hence, this research focus on published academic writings on the religious practices specifically to Muslim indigenous people in Peninsular Malaysia for 10-year period commencing from year 2013 until year 2022. This Research is using bibliometric analysis towards database found in Google Scholar. The results of the keyword analysis found that the study on the religious practices of the Orang Asli community discussed a lot from the aspects of preachers and non-preachers (mad'u). In addition, religious practices are also less discussed for the Orang Asli, but more focused on secondary and tertiary education institutions as well as other communities.

## 1. Pendahuluan

Orang Asli di Semenanjung Malaysia merangkumi 18 suku kaum yang dipecahkan daripada tiga kumpulan etnik Melayu-Proto, Senoi dan Negrito. Setiap etnik mempunyai 6 sub-etnik di bawahnya. Etnik Melayu-Proto banyak mendiami sekitar negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Perak. Etnik Senoi pula banyak terdapat di negeri Pahang, Perak, Selangor dan Kelantan. Manakala etnik Negrito terdapat di pedalaman negeri Perak dan Kelantan (Dolah, 2020). Masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia telah mempunyai kepercayaan tertentu yang menjadi pegangan mereka sejak turun temurun lagi (M. Nizam, 2001). Kepercayaan animisme dalam kebanyakan masyarakat Orang Asli adalah masih tebal, walaupun ada dalam kalangan mereka yang telah memeluk agama Islam atau agama lain (Juma'at, 2017).

Namun, pelbagai faktor penyumbang seperti pengaruh orang luar, bantuan kewangan, perkahwinan, mendapat ilham serta minat mendalam terhadap Islam yang menjadi penyebab golongan masyarakat Orang Asli memilih Islam sebagai agama baru mereka. Faktor penyumbang ini boleh dijadikan garis panduan dan rujukan oleh para pendakwah untuk meningkatkan usaha dakwah terhadap masyarakat Orang Asli (Ahmad Fauzi et al., 2021). Kerja dakwah tidak terhad kepada pendakwah yang dilantik oleh pihak berkuasa sahaja, namun merupakan kewajipan bagi setiap umat manusia sepertimana sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ يُحَدِّثُ، عَنْ أَبِيهِ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: نَضَرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مَقَالَتِي فَوَعَاها وَحَفِظَهَا وَتَلَعَهَا فَرُبَّ حَامِلٍ فَفَّهٍ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ، ثَلَاثٌ لَا يُغْلَى عَلَيْهِمْ قَلْبُ مُسْلِمٍ: إِخْلَاصُ الْعَمَلِ لِلَّهِ، وَمُنَاصَحَةُ أَيْمَةِ الْمُسْلِمِينَ، وَلِزُورِ جَمَاعَتِهِمْ، فَإِنَّ الدَّعْوَةَ تُحَيِّطُ مِنْ وَرَائِهِمْ


Terjemahannya: Daripada Abdullah bin Mas'ud RA, daripada Nabi s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Allah akan memperindah (seri wajah) seseorang yang mendengar perkataanku, lalu dia memahaminya, menghafalnya dan menyampaikannya (kepada orang lain). Barangkali orang yang memahaminya (hadis tersebut) akan menyampaikan kepada orang lain yang lebih faqih (faham) daripadanya. Tiga perkara yang tidak mengkhianati (membersih dan meluruskan) hati seorang muslim; (1) mengikhhlaskan amalan kerana Allah, (2) saling memberi nasihat terhadap para pemimpin kaum muslimin, (3) berpegang teguh terhadap Jemaah mereka, sesungguhnya doa mereka meliputi (memelihara mereka) dari belakang mereka." (Jami' al-Tirmizi, no:2658 - Hadis Hasan Sahih)

Menurut Abu Sulaiman al-Khattabi, hadis ini menjelaskan kepada kita tentang kelebihan mereka yang menjalankan dakwah di jalan Allah. Orang yang menyampaikan satu hadis daripada Rasulullah s.a.w. akan memperoleh doa yang khusus dari Baginda Nabi s.a.w.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis bibliometrik untuk mengkaji hasil penulisan lepas berkaitan dengan amalan beragama masyarakat Orang Asli Muslim di Semenanjung Malaysia. Analisis bibliometrik digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang dalam bentuk analisis kutipan (citation) dan analisis kandungan, serta tidak terhad kepada bidang sains perpustakaan dan sains maklumat sahaja (Hertzal, 2003). Sumber utama kajian bibliometrik adalah bahan penerbitan yang telah diterbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal ilmiah. Sistem penerbitan moden pada hari ini mewujudkan pelbagai perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak yang digunakan untuk mengukur mutu dan pencapaian makalah yang diterbitkan dalam jurnal ilmiah pelbagai bidang ilmu (Zamimah et al., 2019). Pengkalan data yang paling sesuai bagi kajian ini adalah Google Scholar dengan menggunakan aplikasi Harzing's Publish and Perish, bermula daripada jurnal terbitan tahun 2013 sehingga tahun 2022.

Setelah semua data dikumpulkan, kaedah imbasan secara manual dan penjadualan menggunakan perisian Microsoft:



**Rajah 1** Rumusan metodologi kajian

### 3. Dapatan Kajian

#### 3.1 Sorotan Literatur

Hasil carian mendapati penyelidikan mengenai amalan beragama Orang Asli Muslim di Semenanjung Malaysia bermula pada tahun 2013 sehingga 2022 iaitu selama 10 tahun, banyak didominasi oleh artikel jurnal. Pencarian menggunakan kata kunci “amalan beragama” dan “Orang Asli Muslim” menunjukkan sebanyak 34 sahaja terbitan berkaitan amalan beragama Orang Asli Muslim di Malaysia daripada carian pangkalan Google Scholar. Daripada jumlah 34 penerbitan yang ditemui ini, hanya dua (2) penerbitan sahaja yang membincangkan berkenaan amalan beragama Orang Asli di Semenanjung Malaysia berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan serta relevan dengan tajuk kajian ini. Berikut adalah senarai penerbitan yang menggunakan kata kunci “Amalan Beragama” dan “Orang Asli Muslim” yang telah dikumpul dan dianalisis:

**Jadual 1** Senarai penerbitan menggunakan kata kunci amalan beragama

No.	Penulis	Tahun	Tajuk Artikel
1	PIP Musa, SZ Ismail, NA Rahman	2018	Amalan Sogit Ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam Di Mahkamah Anak Negeri: Kajian Dari Perspektif Hukum
2	MFB Norddin	2017	Amalan penghayatan pendidikan Islam terhadap murid beragama Islam di sekolah Jenis Kebangsaan Cina
3	WINW Ismail, NM Saleh	2022	Penghayatan Amalan Beragama Dalam Kalangan Mualaf Di Segamat, Johor
4	B Ya, MF Ahmad, MA Adnan	2022	Kesan Amalan Beragama Terhadap Kestabilan Emosi Semasa Pandemik COVID-19
5	MM Dagang	2013	Faktor yang mempengaruhi integrasi kefahaman beragama dalam amalan kaunseling pelbagai budaya di Malaysia
6	NA Yusuff, ASM Ali	2014	Konsep keusahawanan sosial islam: perkaitan amalan beragama dan peningkatan pendapatan
7	NA Yusuff	2015	Konsep keusahawanan sosial islam; amalan beragama dan peningkatan pendapatan
8	J Awang, IA Bakar	2015	Toleransi beragama dan hubungannya dengan amalan pela gandong dalam kalangan muslim dan kristian di ambon
9	MY bin Ibrahim	2019	Amalan toleransi beragama menurut maqasid syariah

10	RM Ramly, M Sulaiman, MMA Mutalib	2018	Persepsi Pemimpin Agama Kristian Terhadap Konsep Dan Amalan Toleransi Beragama Di Malaysia
11	MR Hashim, DM Salleh, NA binMohd Zainol	2018	Peranan Elemen Emosi Dan Rohani Terhadap Penghayatan Amalan Beragama Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Pertahanan
12	PMB Yaacob	2016	Amalan Prinsip Kebebasan Beragama dan Hak Asasi di Malaysia.
13	RA Ghani, J Awang	2017	Persepsi Kefahaman Agama Dan Toleransi Beragama Mempengaruhi Amalan Toleransi Beragama Masyarakat Melayu Menengah
14	PIP Musa, SZ Ismail	2018	Amalan Sogit Ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam Di Mahkamah
15	MF Norddin	2017	Amalan Membaca dan Menghafaz Surah-Surah Dalam Al-Quran Murid Beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
16	MS Daud	2017	Keberkesanan Program Pengajian Agama Islam terhadap motivasi pembelajaran, penghayatan amalan beragama dan komitmen organisasi
17	MFA Ghani	2016	Jangkaan Masa Depan Masalah Disiplin Murid Islam Dalam Aspek Amalan Beragama Dan Strategi Penyelesaian Menerusi Proses Pengajaran
18	MFA Ghani, HB Khanayatullah, MA Kamaluddin	2016	Masalah Disiplin Murid Islam Dalam Aspek Amalan Beragama Dan Strategi Penyelesaian Menerusi Kurikulum Pendidikan Islam
19	S Yusoff	2015	Hubungan gaya dan didikan beragama ibu bapa terhadap amalan beragama dalam kalangan pelajar tingkatan 4: kajian di kawasan Pantai Timur Sabah (DS)
20	ANM Yusoff	2017	Amalan Beragama Dalam Kalangan Komuniti Penan Bintulu Sarawak
21	MD Mazidah	2013	Faktor yang mempengaruhi integrasi kefahaman beragama dalam amalan kaunseling pelbagai budaya di Malaysia
22	Raja Ili Maryam binti Raja Mudzafar Shah	2013	Pengetahuan, sikap dan amalan kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang beragama Islam mengenai makanan halal


**Jadual 2** Senarai penerbitan menggunakan kata kunci orang asli muslim

No.	Penulis	Tahun	Tajuk Artikel
1	Z Aini, AG Don, A.Puteh	2019	Amalan Komunikasi Dakwah Semasa Kelas Bimbingan Fardu Ain Orang Asli Muslim di Selangor
2	Z Aini, AG Don, AI Mokhtar	2019	Strategi Komunikasi Pemujukan Pendakwah dalam Penyampaian Mesej Islam kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor
3	Z Aini, AG Don	2020	Amalan Kemahiran Komunikasi Pendakwah dengan Masyarakat Orang Asli di Malaysia
4	Z Aini, AG Don, AI Mokhtar, NHDN Sad	2018	Bentuk-Bentuk Komunikasi Dakwah Pendakwah Orang Asli
5	Z Aini, NUA Fauzi	2020	Mesej Akidah dan Syariah dalam Komunikasi Dakwah Orang Asli Muslim di Selangor
6	Z Aini, SS Suyurno	2019	Topik Akidah Dan Syariah Dalam Pengetahuan Masyarakat Orang Asli Muslim Di Selangor

7	Z Aini, AG Don	2021	Approach to the Christianisation Movement among Orang Asli Muslim in State of Perak, Malaysia
8	Z Aini, AG Don, AI Mokhtar	2021	Muslim Preacher's Persuasive Strategy in Dacwah Communication to Indigenous People (Orang Asli) in Selangor
9	Z Aini, NS binti Sabri, PKI dan Komuniti, FP Islam	2019	Bentuk-Bentuk Gerakan Kristianisasi Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli Muslim Di Perak
10	AG Don	2014	Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: senario dan realiti kefahaman dan penghayatan Islam (KP)
11	F Kassim, AW Jais, ZA Hassan, NH Yaacob, A Mazlan	2017	Perubahan amalan budaya masyarakat orang asli (muslim): Satu kajian awal di Pos Pantos, Kuala Lipis, Pahang (KP)
12	Z Aini, AG Don, A Irdha' Mokhtar, NUA Fauzi	2019	The Practice Of Persuasive Communication Forms By Muslim Preachers in Selangor (KP)

## 3.2 Keputusan Analisis

### 3.2.1 Jenis Dokumen



Rajah 2 Jenis dokumen

Analisis Rajah 2 menunjukkan majoriti penerbitan didapati daripada artikel jurnal iaitu sebanyak 30 atau 88.2% penerbitan. Sementara itu tiga (3) atau 8.8% penerbitan adalah daripada konferen dan kertas kerja, dan satu (1) atau 2.9% penerbitan sahaja daripada disertasi sarjana.

### 3.2.2 Institusi Penerbitan


Jadual 3 Jumlah penerbitan mengikut institusi

Institusi/Universiti	Jumlah Penerbitan	Peratus Penerbitan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	5	14.7%
Universiti Putra Malaysia (UPM)	5	14.7%
Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)	5	14.7%
Universiti institut Teknologi MARA (UiTM)	2	5.9%
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	2	5.9%
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	2	5.9%
Universiti Malaysia Sabah (UMS)	2	5.9%

Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)	1	2.9%
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	1	2.9%
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	1	2.9%
Universiti Malaya (UM)	1	2.9%
Lain-lain Institusi	7	20.6%
<b>JUMLAH PENERBITAN</b>	<b>34</b>	<b>100%</b>

Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Kolej Universiti Islam Selangor mendominasi jumlah penerbitan iaitu sebanyak lima (5) penulisan ilmiah bagi setiap institusi mewakili 14.7% dan berjumlah 44.1% (15 penerbitan). Selain itu, jumlah penerbitan mengikut universiti ataupun institusi selain yang tersebut puratanya adalah hampir sama, iaitu sebanyak satu (1) atau dua (2) penerbitan bagi setiap institusi.

### 3.2.3 Tahun Penerbitan





Rajah 3 Jumlah penerbitan mengikut tahun- 2013 sehingga 2022 (10 tahun)



Rajah 3 menunjukkan bahawa tahun 2017 dan tahun 2019 mempunyai jumlah penerbitan sama dan tertinggi bagi setiap tahun tersebut iaitu sebanyak 6 penerbitan atau 17.6%. Secara umumnya, bermula daripada tahun 2013 sehinggalah tahun 2022 terdapat penerbitan berkaitan pengamalan agama dan Orang Asli Muslim pada setiap tahun walaupun hanya dua (2) penerbitan. Rajah ini juga menunjukkan terdapat peningkatan jumlah terbitan ilmiah daripada tahun 2017 sehingga tahun 2019 iaitu sebanyak 17 penerbitan ataupun 50% daripada jumlah terbitan, dan berkurang secara drastik pada tahun 2020 sehinggalah 2022. Ini menunjukkan satu tren yang tidak bagus memandangkan penerbitan berkaitan tajuk kajian ini masih terlalu sedikit, dan masih memerlukan lebih banyak kajian lanjutan dilakukan.

## 4. Penutup

Terdapat pelbagai jenis penerbitan mengenai Orang Asli Semenanjung Malaysia yang meliputi segala aspek kehidupan mereka. Namun jelas sekali bahawa kajian dan penerbitan berkaitan amalan beragama Orang Asli Muslim Semenanjung Malaysia sangat sedikit diterbitkan dalam bentuk penulisan ilmiah walaupun dalam pangkalan yang paling mudah dicari iaitu Google Scholar. Dengan menggunakan VOSviewer, hasil analisis kata kunci mendapati kajian berkenaan amalan beragama masyarakat Orang Asli banyak membincangkan daripada aspek pendakwah dan bukan orang yang didakwah (mad'u). Selain itu, amalan beragama juga kurang dibincangkan terhadap Orang Asli, namun lebih fokus kepada institusi pendidikan peringkat menengah dan pengajian tinggi serta masyarakat lain. Kajian akan datang boleh dilakukan dengan pencarian yang dikembangkan kepada pangkalan data yang lain dan kajian terhadap amalan beragama Orang Asli yang lebih khusus mengikut kumpulan etnik di Semenanjung Malaysia. Berikut merupakan sudut pandang VOSviewer ataupun ringkasan kepada penerbitan menggunakan dua kata kunci sepertimana di atas.



**Rajah 4** Peta kata kunci “amalan beragama” di VOSviewer



**Rajah 5** Peta kata kunci “Orang Asli Muslim” di VOSviewer

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kerana memberi ruang kepada penulis untuk menjalankan kajian berkaitan dengan tajuk ini.

## Konflik Kepentingan

Penulis tiada konflik kepentingan dalam penulisan dan penerbitan artikel ini.

## Sumbangan Penulis

Penulis ingin menyatakan sumbangan setiap penulis dalam penulisan artikel ini seperti berikut: **konsep dan gaya penulisan:** Wan Nor Hana Wan Ismail, Intan Farhana Saparudin, Ahzilah Wahid, Ahmad Sharifuddin Mustapha; **pengumpulan data:** Wan Nor Hana Wan Ismail; **analisis data dan interpretasi data:** Wan Nor Hana Wan Ismail, Intan Farhana Saparudin, Ahzilah Wahid, Ahmad Sharifuddin Mustapha; **penyediaan draf penulisan:** Wan Nor Hana, Intan Farhana Saparudin, Ahzilah Wahid, Ahmad Sharifuddin Mustapha. Semua penulis telah menilai dapatan kajian dalam manuskrip akhir artikel ini.

## Rujukan

- Ahmad Fauzi Shahar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mohd Hakim Arshad, Ahmad A'toa' Mokhtar & Zulkefli Aini. (2017). Faktor Tarikan Masyarakat Orang Asli Memeluk Islam Di Selangor. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017), 1067.
- Ahmad Sanusi. (2020). 40 Hadis tentang Dakwah dan Tarbiah. Ulum Hadith Research Centre, h4.
- Dolah Tekoi. (2020). Buku Adat dan Pantang Larang Orang Asli Semenanjung Malaysia: Suku Urang Huluk (JAKUN) Johor, xv.
- Hertzal, D.H. (2003). "Bibliometrics history" dalam Drake, Miriam A. (ed) Encyclopaedia of Library and Information Science, Vol. 1, New York : Marcel Dekker, 288-328.
- Juma'at Misman. (2017). Orang Seletar. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h 125.
- M. Nizam Sahad. (2001). Pemikiran Orang Asli Tentang Agama: Suatu Kajian Khusus di Perkampungan Orang Asli Broga, Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam.
- Nur Afifi bin Alit, Shumsudin Yabi & Mohd Yusuf bin Ismail. (2023). Analisis Bibliometrik Terhadap Kajian Berhubung Rancangan Televisyen Berkonsep Keagamaan Di Malaysia. Jurnal al- Sirat, No. 23 Vol.01.
- Zamimah Osman & Nuraini Yusoff. (2019). Kajian Bibliometrik Penerbitan Berbahasa Melayu Dalam Indeks Scopus. <https://www.researchgate.net/publication/335314060>.